



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PARIT DAN TALIAIR (B.2 EB.3 / B.2)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PARIT DAN TALIAIR
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

TANGGA GAJI B.2 EB.3:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Pertanian / Pengurusan Pembinaan / Pengurusan Projek atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TANGGA GAJI B.2:

2. i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Pertanian / Pengurusan Pembinaan / Pengurusan Projek atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyediakan dokumen-dokumen tawaran, sebut harga dan kontrak penggal bagi kerja-kerja / projek pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur asas ladang;
2. Membuat perancangan dan menyediakan anggaran perbelanjaan untuk memohon peruntukan bagi projek-projek berkaitan infrastruktur ladang di bawah RKN dan tahunan;
3. Membuat penilaian dan sokongan sebut harga dan tawaran projek-projek yang akan dilaksanakan;
4. Menjalankan pemeriksaan dan lawatan ke tapak projek pembinaan dan pemeliharaan yang sedang dalam pelaksanaan di tapak Kawasan Kemajuan Pertanian;
5. Membuat penilaian dan pengesahan semua tuntutan pembayaran ke atas projek-projek yang siap dilaksanakan;
6. Menyelaraskan projek dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dengan infrastruktur pertanian dan kemudahan asas ladang;
7. Menyelaraskan pelaksanaan projek secara kaedah konvensional atau Reka & Bina yang dikendalikan oleh konsultan atau kontraktor dalam segala aspek berkaitan perolehan dan pengurusan pembinaan projek;
8. Menyediakan laporan status pelaksanaan kerja / projek kepada Ketua Seksyen / Bahagian; dan
9. Mengurus aduan dan laporan dari pengusaha pertanian / peladang mengenai masalah kerosakan kemudahan asas ladang dan banjir di tapak Pertanian.